

## Persepsi Belia Berisiko Liberal Terhadap Agenda Liberalisme

*The Perception of Youth at Risk of Having Liberal Thought Towards Liberalism Agenda*

NORSALEHA MOHD. SALLEH, AHMAD MUNAWAR ISMAIL, NOOR HAFIZAH MOHD. HARIDI & MOHD. SYAIRAWI MOHD. NOR

### ABSTRAK

*Kajian ini bertujuan meninjau pandangan belia berisiko liberal terhadap agenda liberalisme. Liberalisme adalah pemikiran yang lahir daripada falsafah Barat, implikasi daripada penindasan dan kekejaman yang dilakukan gereja atas nama agama dan ketuhanan. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif yang melibatkan temu bual bersama enam orang belia berisiko mempunyai pemikiran liberal. Pemilihan responden dibuat berdasarkan kecenderungan pemikiran dan penulisan mereka dalam media sosial yang dikenal pasti mempunyai risiko berfikiran liberal. Tulisan dan pandangan mereka terhadap isu-isu semasa berkaitan Islam dikupas mengikut pandangan logik tanpa asas agama yang kukuh dan menolak autoriti agama sebagai satu alat penguatkuasaan terhadap umat Islam. Implikasinyalahirlah gaya fikir yang menyimpang daripada wahyu Allah SWT dan pandangan ulama muktabar. Dapatan kajian mendapati belia berisiko ini mempunyai kecenderungan terhadap pemikiran liberal dan mendukung liberalisme sebagai satu pilihan yang betul untuk umat Islam hari ini. Kajian juga menunjukkan faktor yang mendorong mereka berpegang dengan liberalisme disebabkan perasaan trauma dan bimbang terhadap apa yang pernah dilakukan gereja kepada pengikut Kristian berulang kembali kepada umat Islam. Prejudis mereka kepada institusi agama sangat tinggi sehingga mendorong mereka menolak institusi agama sebagai badan yang menjaga urusan dan undang-undang umat Islam. Kajian ini diharap dapat membuka ruang perbincangan yang lebih baik dengan kumpulan belia berisiko liberal agar mereka memahami Islam yang sebenar dan menyedari wujudnya perbezaan yang besar antara institusi Islam dan gereja.*

*Kata kunci:* Belia; berisiko; pemikiran; liberal; trauma

### ABSTRACT

*This study surveyed the perception of youths at risk of having liberal thought towards liberalism agenda. Liberalism is a thought that was born from the western philosophy as the implication of the oppression and cruelty of the church in the name of religion and god. The study was conducted using qualitative methodology that has involved interview with six youths at risk of having liberal thought. The respondents were selected based on the inclination of their thoughts and writings in the social media that have been identified at risk of having liberal thought. Their writings and opinions towards the Islamic current issues were done solely based on logical perception with the absence of strong religious foundation and rejects religious authority as the enforcement tool for the Muslims. The implication is the birth of a thinking style that is derailed from Allah revealed knowledge and the opinions of erudite Muslim Scholars. The findings of the study found that the youths at risk incline towards liberal thinking and support liberalism as the right choice for Muslims today. The study also showed that the driving factor behind their liberal thinking is due to the trauma and concern towards what had been done by the church to the Christians would repeat itself among Muslims. Their prejudice towards religious institution is very high to the extent it drives them to reject religious institution as the responsible body for the Muslim affairs and laws. It is hoped that this study can open the opportunity for better discussion with the youths at risk of having liberal thought so that they will be able to understand Islam in the real sense and then realize the big difference between Islamic and church institutions.*

*Keywords:* Youth; at risk; thought; liberal; trauma

### PENGENALAN

Liberalisme merupakan pemikiran yang lahir daripada falsafah Barat sebagai tindakbalas penolakan mereka kepada kuasa gereja yang

menguasai dan mengawal sistem kehidupan rakyat pada zaman gelap sekitar abad ke-5 Masihi sehingga 15 Masihi. Sistem gereja yang melambangkan kuasa agama Kristian, ditolak oleh masyarakat Barat ketika itu kerana cengkaman dan penindasan yang berlaku

(al-Silmy 2009). Implikasi kepada penolakan kuasa agama Kristian di gereja telah mempengaruhi pemikiran masyarakat dunia termasuk umat Islam. Hal ini berlaku apabila muncul pandangan daripada umat Islam seperti *Sister in Islam*, kumpulan G25 dan Siti Kasim yang mempertikaikan badan-badan agama Islam seperti JAKIM, Jabatan Agama Islam di Malaysia. Perasaan trauma terhadap apa yang berlaku kepada penganut ajaran Kristian merebak kepada kumpulan-kumpulan ini yang melihat Islam dari aspek yang sama. Oleh sebab itulah mereka melahirkan perasaan bimbang terhadap pelaksanaan hukum hudud, perintah memakai tudung menutup aurat bagi perempuan, larangan pergaulan bebas antara lelaki perempuan, larangan makan dalam khalayak ramai pada bulan Ramadan dan lain-lain lagi (Wan Ismail Wan Dagang et al. 2015; Shahirah dan Mohd Safri 2018).

### PENGERTIAN LIBERALISME

Perkataan liberal berasal daripada perkataan Latin iaitu *libertas* atau *freedom*. Liberalisme pula jika didefinisikan melalui konsep asas adalah bermaksud individu, kontrak dan negara (Skirbekk & Gilje 2001). Noresah Baharom (2013) pula mendefinisikan liberalisme sebagai pemikiran yang liberal, fahaman atau pendirian yang mahukan demokrasi serta kebebasan dalam kegiatan ekonomi. Mana kala Dendy Sugiono (2008) merujuk liberalisme kepada suatu pandangan, cara berfikir atau bertindak yang bebas dan terbuka.

Liberalisme sebagai kepercayaan yang bersumberkan dari Barat tentang kesamarataan gender dalam aspek sosial, ekonomi dan politik. Kepercayaan ini diwakili oleh berbagai institusi yang komited ke arah memperjuangkan hak wanita dan kepentingan mereka. Menurut Angel Rabasa (2007), seorang yang liberal adalah juga seorang moderat yang bersedia menerima ideologi, budaya dan peradaban Barat serta sedia melepaskan diri dari segala ajaran dalam Islam yang dianggap bertentangan dengan prinsip-prinsip Barat. Ia berbeza dengan individu Islam yang fundamentalis yang menolak pemisahan antara kekuasaan agama dengan kekuasaan negara, berusaha mendirikan negara Islam atau mengajak untuk mengakui syariat sebagai landasan hukum.

Dalam aspek politik, liberalisme adalah pemikiran berpusat pada individu yang dianggap sebagai memiliki hak dalam pemerintahan, termasuk persamaan hak yang dihormati, hak berekspresi

dan bertindak serta bebas dari ikatan-ikatan agama dan ideologi (Blackburn, S. 1996). Dalam konteks sosial, liberalisme dilihat sebagai suatu etika sosial yang membela kebebasan (*liberty*) dan persamaan (*equality*) secara umum (Coady & Huckin 1997). Menurut Alonzo L. Hamby (1992) liberalisme adalah kefahaman ekonomi dan politik yang menekankan pada kebebasan (*freedom*), persamaan (*equality*) dan kesempatan (*opportunity*).

Edmund Fawcett (2014) berpendapat liberalisme adalah istilah yang ekslusif dan tidak mudah untuk didefinisikan. Pemaknaan terhadap liberalisme sering berbeza daripada satu kelompok kepada kelompok yang lain. Penggunaan perkataan *liberty* yang menjadi ciri khas liberalisme digunakan oleh Karl Marx, Pope Leo XIII, Mussolini dan parti Nazi dengan pemaknaan yang bersesuaian dengan ideologi mereka masing-masing. Kesulitan dalam mendefinisikan liberalisme ini diperkuat lagi dengan fakta bahawa liberalisme tidak memiliki tokoh pengasas utama, tarikh kelahiran yang pasti dan riwayat hidup yang jelas.

Justeru itu liberalisme merupakan suatu kepercayaan (*creed*) dan falsafah hidup Barat yang menjadi gerakan dengan meletakkan idea kebebasan sebagai prinsip tertinggi dan dominan dalam usaha untuk membebaskan manusia daripada sebarang kawalan moral. Malah liberalisme telah menggantikan peranan agama dalam mengatur kehidupan individu dan masyarakat.

Oleh sebab itu, liberalisme adalah pemikiran yang cuba membebaskan Islam dari sebarang ikatan syara dengan cara mentafsir, mengolah atau menafikan apa sahaja dalil syara agar bersesuaian dengan pemikiran yang berteraskan falsafah Barat (Asri Zainul Abidin et al. 2006). Konsep ini merupakan format pemikiran yang mencakupi segenap aspek kehidupan manusia termasuk pendidikan, agama, sosial dan sebagainya. Ia berpegang kepada konsep rasional, keterbukaan dan kebebasan intelektual (Wan Adli Wan Ramli 2012). Mereka mengutamakan hak-hak asasi manusia sebagai ukuran dan orientasi seterusnya akan menolak segala penafsiran daripada agama sekiranya ia bertentangan dengan pemikiran mereka (Nor Nazimi et al. 2017; Lukman Hakim & Mohd Nasir 2011). Golongan ini juga berpegang kepada penemuan saintifik sehingga mencetuskan konflik besar dengan cubaan untuk mentransformasikan agama yang berorientasikan kebebasan hak individu manusia (Lukman Hakim & Mohd Nasir Omar 2011).

Fahaman ini terus berkembang sehingga mempengaruhi dunia Islam kerana merasakan manusia kini juga perlu bebas daripada ikatan hukum-hakam yang difikirkan sebagai ketinggalan zaman. Malah menurut Indriaty Ismail & Ahmad Mahyuddin Hassan (2011), keadaan ini sudah tidak relevan lagi dalam konteks kehidupan dunia kini memandangkan ia terkongkong oleh tafsiran golongan ulama tradisional. Ia jelas menggambarkan bahawa agama hanya sebagai budaya yang boleh diketepikan sekiranya ia tidak menepati apa yang dikehendaki.

Menurut Abbas Mansur Tammam (2016) liberalisme adalah kritikan terhadap ajakan untuk mengakui syariat sebagai dasar hukum, kerana liberalisme kebudayaan memiliki agenda untuk membebaskan umat manusia dari berbagai dominasi yang dianggap menjerat kebebasan ekspresi dan kehendak manusia. Sementara agama dengan ajarannya seperti halal-haram, boleh-tidak boleh, dianggap sebagai gangguan utama untuk kebebasan manusia. Kerana dalam liberalisme, produk hukum sepenuhnya diserahkan pada kehendak rakyat.

Liberalisme merujuk kepada individu sebagai pencipta dan penentu tindakan. Dengan konsep seperti ini, maka kejayaan dan kegagalan seseorang ditentukan oleh dirinya sendiri, tindakan dan pilihan terhadap tindakan tersebut. Hakikatnya, manusia memiliki kebebasan dalam hidupnya di mana manusia adalah peribadi yang bebas (Ridha Aida 2005). Ia juga merujuk kepada pemikiran yang cuba mencairkan identiti Islam dengan mencampur adukkan dengan pemikiran mengikut kerangka Barat sebagai asas pemikiran. Golongan yang mempromosi pemikiran ini berusaha mentafsir semula Islam sesuai dengan kerangka pemikiran rasional dan logik tanpa mengambil kira keterangan wahyu dan tuntutan hadis Rasulullah SAW. Tafsiran semula Islam dibuat mengikut kerangka Barat yang mengagungkan hak asasi manusia sebagai paksi utama segala tindakan dan keputusan (al-Rawy 2009). Oleh yang demikian, liberalisme pada hari ini lebih cenderung kepada serangan pemikiran terhadap akidah umat Islam untuk dipesongkan daripada landasan kebenaran.

#### MASALAH LIBERALISME DI MALAYSIA

Isu liberalisme di Malaysia telah berakar umbi semenjak awal kemerdekaan seiring dengan serangan pemikiran yang menimpah umat Islam. Kemunculan berbagai-bagi ideologi di Barat memberi impak

kepada sarjana-sarjana Melayu yang menyambung pengajian di Barat dan Eropah. Golongan ini pulang ke Malaysia dengan membawa bersama cara fikir dan budaya yang diambil daripada Barat termasuk sistem pendidikan yang merujuk kepada teori-teori yang dikembangkan oleh Yahudi di Barat (Norsaleha et al. 2015). Kemunculan Orde Baru Dunia, globalisasi tanpa sempadan dan gelombang teknologi maya menjadikan isu liberalisme semakin diterima dalam kalangan umat Islam. Kumpulan seperti Sister in Islam, G25, Artikel 11 dan lain-lain dilihat berani menyatakan pandangan secara terbuka melalui media sosial mempertikaikan pelaksanaan hukuman sebat kepada orang Islam yang minum arak dan bersekedudukan. Mereka mempertikaikan pelaksanaan undang-undang kepada pasangan yang berkhawat, mempertikaikan kewibawaan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), termasuklah pandangan secara terbuka untuk menghapuskan JAKIM sebagai institusi yang menjaga hal ehwal agama Islam.

Umat Islam mengalami proses kecairan identiti dan jatidiri Islam apabila berhadapan dengan serangan pemikiran ini (Norsaleha et al. 2017). Munculnya suara yang mempertikaikan peraturan Islam secara terang-terangan seperti pemakaian hijab bagi wanita, pelaksanaan mahkamah syariah, pembahagian harta pusaka dan menuntut pembebasan wanita sepenuhnya, hak menjadi imam dan wali dalam perkahwinan. Pandangan seumpama ini mendapat sambutan daripada kalangan anak muda yang kurang ilmu agama dan pengetahuan mereka kepada agama Islam. Keadaan ini menjadi lebih tidak terkawal apabila media sosial dijadikan sebagai medium untuk melontar idea dan pandangan. Dalam waktu yang sama, terdapat kelemahan pengurusan dan pentadbiran yang melibatkan isu-isu kekeluargaan dan perkahwinan di mahkamah syariah pada sekitar tahun 60an – 80an menjadikan liberalisme semakin mendapat tempat dalam masyarakat. Menurut Mohammad Arifin (2007), kedudukan Mahkamah Syariah boleh dikatakan beransur kukuh selepas zaman kemerdekaan dengan tertubuhnya Mahkamah Syariah di setiap negeri. Walau bagaimanapun ianya masih belum pulih sepenuhnya dari zaman penjajahan British kerana keterbatasannya dari segi kuasa, kekurangan tenaga kerja, ketiadaan tatacara dan pelaksanaan perintah.

Walaupun kelemahan ini telah diatasi dengan mewujudkan akta dan polisi serta kemaskini pengurusan dan pentadbiran Islam, golongan liberal ini masih menggunakan sebagai senjata untuk

menyerang institusi agama di Malaysia. Sekaligus menimbulkan prejedis masyarakat Islam terhadap institusi agama Islam di Malaysia. Dalam waktu yang sama juga golongan yang mendukung pemikiran liberal ini mewujudkan laman sesawang dalam media sosial bagi mempromosi ideologi liberalisme dengan membuka ruang penulisan kepada anak-anak muda untuk melontar idea dan pandangan. Mereka aktif mempromosi pemikiran liberal melalui wacana, seminar, dialog dan penerbitan buku yang membincangkan isu hak asasi manusia dan kebebasan (Fazilah et al. 2019; Norsaleha et al. 2017). Kajian terhadap laporan media menunjukkan mereka menggunakan hujah yang rasional dan logik bagi mempertikaikan hukum-hukum dalam Islam termasuklah hukum hudud dan menuntut kebebasan kepada golongan lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) untuk hidup mengikut gaya mereka sendiri. Mereka juga menuntut kebebasan untuk beragama dan murtad tanpa perlu diikat dengan undang-undang. Tuntutan seumpama ini disuarakan dalam media sosial, media elektronik dan media massa sama ada dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris.

Gerakan pemikiran liberal telah diwartakan dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali ke-74 yang bersidang pada 25-27 Julai 2006 sebagai fahaman yang didapati menyeleweng dari aspek akidah dan syariat. Antara agenda yang dibawa dalam gerakan liberalisme ialah penolakan kepada syariat Islamiah, mendukung pluralisme agama, menuntut pemisahan antara agama dan pemerintahan, kesamarataan gender dan kebebasan berfikir. Perkara ini diakui oleh Jaffary & Kamaruddin (2007) yang berpendapat pemikiran liberal merangkumi isu penolakan syariat, pluralisme agama, pemisahan antara agama dan pemerintahan, kesamarataan gender, kebebasan berfikir dan lain-lain lagi.

Permasalahan liberalisme merujuk kepada kenyataan *Sisters In Islam* (SIS) bersama beberapa kumpulan NGO wanita yang mengkritik Rang Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah-wilayah Persekutuan Pindaan 2005, Rang Undang-undang Jenayah Syariat Terengganu (hudud), amalan berpoligami, hukuman sebat (hudud) terhadap pesalah wanita yang bersekedudukan dan meminum arak. *Sisters In Islam* (SIS) juga menyokong wanita muslimah menyertai pertandingan ratu cantik dan mengkritik fatwa yang melarang penglibatan wanita muslimah dalam pertandingan tersebut.

Menurut Noor Hafizah et al. (2015) kumpulan ini berpendapat hijab bagi wanita muslimah bukan satu kewajipan malah merupakan satu proses arabisasi daripada negara Arab. Begitu juga dengan isu laungan azan yang dipertikaikan oleh seorang belia dalam akaun twitter miliknya dan mendakwa laungan azan sepatutnya perlu mendapatkan pandangan atau kebenaran daripada penduduk setempat khususnya bukan Islam.

Kenyataan media Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2017) menunjukkan kekesalan terhadap tindakan seorang panel dalam program anjuran Islamic Renaissance Front (IRF) dan G25 yang mempromosi pemikiran Liberal kepada belia Islam melalui penganjuran program tersebut. Tindakan ini telah menyebabkan ada dalam kalangan belia Islam begitu berani mengucapkan terima kasih kepada Pastor Sivin Kit yang mewakili Bangsar Lutheran Church kerana menerima dia sebagai tetamu. Sebagai menghargai kebaikan Pastor tersebut, belia tersebut telah mendoakan semoga Tuhan Jesus memberkati Pastor dan seluruh umat Kristian di seluruh dunia.

Menurut Farouk Musa (2014) perjuangan menukar negara ini kepada negara Islam adalah usaha yang kesasar. Tiada harapan bagi masa depan politik yang sedemikian. Umat Islam harus belajar untuk hidup dalam negara sekular dan mempromosikan nilai-nilai Islam yang fundamental seperti keadilan, kebebasan, kesamaan, toleransi dan urustadbir yang baik. Menurut Norsaleha et al. (2015), *Sisters In Islam* (SIS) dan Musawah memperjuangkan kesaksamaan wanita dengan pandangan bahawa Islam di Malaysia menindas kaum wanita dan tidak memberi kebebasan wanita. Agenda liberalisme juga diperhatikan dalam usaha yang dilakukan oleh kumpulan belia yang bernaung di bawah laman sesawang bernama Projek Dialog (2015) yang berisiko mempromosi kebebasan amalan lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT). Di samping itu kempen Puasa untuk Malaysia pada tahun 2017 anjuran seorang pejuang hak lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) bersama seorang aktivis badan bukan kerajaan (NGO) dan seorang paderi yang aktif melibatkan diri dengan kegiatan melibatkan belia-belia Islam. Malah Majlis Belia Malaysia (MBM) (2017) telah mengkritik tindakan golongan LGBT ini yang mahu mengarus perdanakan orientasi pemikiran mereka dalam masyarakat umum Malaysia.

Menurut Harakahdaily (2017), tindakan golongan ini bukan sahaja mengkritik Islam dan

perundangan Malaysia malah boleh mengugat ketenteraman awam dan keamanan agama. Kumpulan ini juga mendakwa aurat yang wajib ditutup oleh kaum wanita mengikut syariat Islam hanya kemaluan depan dan belakang sahaja. Malah walaupun terbuka buah dada dan belakang dikira sembahyang mereka sah, apatah lagi di luar sembahyang. Malah mereka mendakwa al-Quran al-Karim tidak pernah menyatakan bahawa rambut perlu ditutup dan amalan bertudung adalah isu

khilaf di kalangan ulama (Wan Ismail Wan Dagang et al. 2015).

Jadual 1 di bawah adalah contoh ungkapan yang dilontarkan oleh belia dalam media sosial. Ini menunjukkan kumpulan ini tidak mempedulikan pandangan agama dan adabiyat akhlak Islam sewaktu memberi pandangan. Pandangan yang mereka lontarkan berdasarkan hawa nafsu, cara fikir yang singkat dan tidak mengambil kira sensitiviti agama dan hukum halal dan haram.

JADUAL 1. Contoh ungkapan berisiko liberal dalam media sosial

Bil	Ungkapan yang berisiko liberal
1	Saya enggan solat sehingga kami bercerai. Lepas sah bercerai nanti, saya akan qadha semua solat saya
2	RUU355 ni kesan pemikiran Islamisme, bukan prinsip mutlak dari Islam. Jangan syok sangat tempel label Islam, k?
3	Saya azhari, saya liberal
4	al-Quran tidak larang homeseksual
5	Nabi anjur cinta lelaki sesama lelaki
6	Larangan solat ketika haid kepada wanita satu diskriminasi
7	Fuck you Khatib ! Suruh berbuat baik sesama muslim dan non muslim tapi LGBT, murtad, liberal adalah musuh Islam,kekalkan Islam sebagai agama persekutuan, berdoa dalam bahasa Arab, Qatar pun dikatakannya mujahidin. Selamat hariraya khatib! Fuck you
8	Memberi anak-anak pakai tudung adalah jenayah, wanita perlu bangkit menentang hukum menutup aurat
9	Nabi Ismail sebenarnya anak luar nikah
10	Aku tak kisah sangat lesbian ni. Sekurangnya dia tak kacau orang lain. Tambahan itu hak dia sendiri

#### PERSEPSI BELIA BERISIKO TERHADAP LIBERALISME

Kajian Norsaleha et al. (2015) terhadap 380 orang belia di sekitar Lembah Kelang telah dilaksanakan bagi mendapatkan pandangan umum belia terhadap agenda liberalisme. Dapat menunjukkan seramai 18 orang (4.7%) bersetuju dengan amalan berzina boleh memenuhi keperluan seks seseorang, 5 orang (1.4%) menyokong pentadbiran negara berdasarkan kehendak rakyat bukan agama, 5 orang (1.4%) tidak suka mendengar khutbah jumaat kerana membuang masa, 5 orang (1.4%) menolak hudud kerana tidak memberi keadilan kepada rakyat, 8 orang (2.1%) menyokong pergaulan bebas lelaki dan perempuan dan 11 orang (2.9%) mendakwa pelaksanaan hukum hudud hanya memecah belahan rakyat. Purata jumlah belia berisiko terpengaruh dengan pemikiran liberal adalah lebih kurang 9 (5%) orang daripada 380 orang belia yang dikaji.

Kajian diteruskan dengan mengenalpasti beberapa belia yang cenderung kepada liberalisme. Hal ni dilakukan melalui pemerhatian terhadap belia-belia berisiko liberal di laman *Facebook* selama sebulan. Tempoh sebulan dipilih bagi memastikan konsistensi belia tersebut terhadap

isu liberalisme. Hasil pemerhatian menunjukkan mereka mempunyai kecenderungan kepada pemikiran liberal sama ada secara ikut-ikutan, penyokong, pendukung atau penyebar pemikiran liberal. Bagi mendapatkan maklumat yang lebih mendalam seramai 11 orang belia telah dipilih untuk terlibat dalam sesi temubual. Walau bagaimanapun, hanya enam orang belia sahaja yang bersetuju untuk sesi temubual tersebut.

Hasil daripada sesi temubual menunjukkan belia ini berisiko mempunyai kecenderungan terhadap pemikiran liberal dan mendukung liberalisme. Malah mereka menganggap liberalisme sebagai satu pilihan yang betul untuk umat Islam hari ini. Kajian juga menunjukkan faktor yang mendorong mereka berpegang dengan liberalisme disebabkan perasaan trauma dan bimbang terhadap apa yang pernah dilakukan gereja kepada penganut Kristian berulang kembali kepada umat Islam. Prejudis mereka kepada institusi agama sangat tinggi sehingga mendorong mereka menolak institusi agama sebagai badan yang menjaga urusan dan undang-undang umat Islam.

Belia pertama bersetuju terdapat dalam kalangan belia yang berlatar belakang pendidikan di Eropah mendukung pemikiran liberal. Malah beliau sendiri mengakui dirinya seorang sekular dan liberal.

Beliau bersetuju dengan konsep pemisahan agama dari kehidupan kerana mengambil pengalaman zaman gelap gereja. Malah menyifatkan sesetengah golongan menggunakan agama bagi meraih kepentingan peribadi sama ada dari segi politik, ekonomi dan sosial. Beliau mengkritik sesetengah parti politik yang memperjuangkan politik atas nama Tuhan dan mengkafirkan sesiapa yang tidak menyertai mereka. Beliau juga mengkritik sekumpulan usahawan yang menggunakan air bacaan Surah Yasin untuk mempromosi produk jualan. Beliau juga mengkritik dakwaan sesetengah pihak yang mengatakan golongan LGBTQ akan masuk neraka. Beliau juga bersetuju dengan konsep liberal yang bebas dan tidak terikat fahaman agama, adat budaya setempat dan pembawakan individu. Selagi masyarakat di Malaysia terikat dengan tiga perkara ini, mereka sebenarnya belum lagi bebas dan liberal. Malah beliau berpandangan sifat keakuan dalam liberal sangat tinggi dan tidak mengganggu ketenteraman orang lain. Menurut beliau, liberal tidak merbahaya dan menjelaskan akidah umat Islam. Liberal hanya mengajak masyarakat untuk hidup secara bebas dan berfikir tanpa mengganggu ketenteraman orang lain. Malah beliau menggunakan hujah Tunku Abdul Rahman, bekas Perdana Menteri Malaysia Pertama pernah berkata Malaysia ni adalah negara sekular dan akan kekal jadi negara sekular. Namun malangnya ramai antara pemimpin Malaysia yang melupakan amanat Tunku Abdul Rahman, sehingga sibuk mengislamkan semua benda.

Beliau kedua berpandangan semua orang berhak menggunakan kalimah Allah dan tindakan memaksa wanita bertudung adalah salah kerana menyekat kebebasan individu. Beliau berpendapat kebebasan terletak pada individu dan tidak boleh dipaksa oleh negara dan majikan. Beliau menolak Islam versi JAKIM dan mazhab Syafie yang sempit, padahal Islam itu luas dan banyak mazhab dalam Islam. Menurut beliau tersebut, autoriti agama inilah yang membawa masalah apabila menetapkan Islam versi mereka dan mendakwa yang lain itu sesat. Autoriti agama ini dilihat konservatif dan mempertahankan status quo Islam sedia ada. Mana-mana yang dilihat bertentangan dengan kefahaman konservatif dan status quo Islam sedia ada, akan dilabelkan sebagai liberal. Perkara ini menyempitkan keluasan Islam dan menyekat kebebasan umat Islam. Islam mempunyai banyak versi dan versi-versi lain tu juga sebenarnya lebih membebaskan Islam daripada kepompong kejumudan, ketinggalan zaman dan kediktatoran.

Beliau bersetuju pemikiran liberal itu merujuk kepada kebebasan individu untuk memilih baik atau jahat, namun begitu beliau tidak menafikan dosa dan pahala itu wujud. Liberal adalah kebebasan individu mengamalkan agama menurut pilihan sendiri. Beliau menyokong pemikiran liberal dan berpendapat pemikiran liberal selari dengan beberapa mazhab dalam Islam seperti mazhab Muktazilah dalam isu berkaitan kebebasan, keadilan dan pilihan manusia. Liberal Barat bukanlah masalah dalam Islam kerana tamadun Barat dan Timur saling berinteraksi. Malah liberal ini cuba membebaskan individu untuk mengamalkan agama menurut pilihan mereka.

Beliau ketiga mengakui menjadi pengikut sosialis marxisme dan anti liberal. Beliau menyifatkan pemikiran moden dikritik oleh sebahagian pengajian ilmu kalam yang tidak memberi sumbangan dalam era penjajahan dalam dunia Islam. Umat Islam perlu belajar daripada sistem sekular di Barat untuk maju kerana Barat mempunyai nilai Islam. Beliau bersetuju dengan konsep sekular demokrasi yang membenarkan kebebasan bersuara dalam isu kemiskinan, gender dan keadilan sosial. Menurut beliau, Malaysia dikuasai dan dimonopoli oleh satu mazhab sahaja menyebabkan berlaku penindasan kepada pengikut mahab yang lain. Lebih dahsyat lagi masyarakat Islam yang tidak berpegang kepada mazhab utama di Malaysia dianggap bersalah dan menyeleweng. Situasi ini tidak jauh bezanya dengan apa yang berlaku pada zaman kegelapan ketika masyarakat Barat di bawah penguasaan gereja. Beliau berpendapat, golongan liberal dalam kalangan umat Islam di Malaysia lahir daripada situasi yang menekan ini.

Beliau keempat berpandangan liberalisme suatu pemikiran yang banyak disalah fahami di Malaysia terutama oleh aktivis Islam. Bagi beliau liberalisme mempunyai pengertian yang berbeza mengikut zaman. Beliau menyatakan terdapat tiga tahap liberalisme dalam ekonomi iaitu liberal klasik, liberal komunis dan kebebasan sosial. Terdapat perbezaan liberal dan libertarian seperti yang terjadi di Amerika Syarikat. Di mana kebebasan ekonomi di Malaysia tinggi dan menuju ke arah konsep libertarian. Bagi beliau masalah kebebasan pemikiran di Malaysia merujuk kepada perbezaan naratif dalam mentafsirkan agama. Contoh yang beliau nyatakan ialah pandangan yang dibawa oleh kumpulan *Islamic Renaissance Front* (IRF) berbeza dari pandangan kumpulan Islam yang lain seperti Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Menurut beliau pemikiran yang ditonjolkan

dalam IRF, Projek Dialog dan Komuniti Muslim Universal (KMU) dalam kategori permulaan bukan perbahasan mendalam dalam pemikiran. Beliau tidak bersetuju menyamakan kuasa perempuan untuk melawan lelaki dalam isu kesetaraan gender. Perbahasan sebenarnya adalah tradisi lokal dalam sosial lelaki diutamakan berbanding perempuan. Ini menyebabkan hak perempuan menjadi lebih rendah daripada lelaki seperti hak tempat perah susu di tempat kerja. Sepatutnya hak perempuan dijaga sepetimana hak lelaki dijaga.

Belia kelima berpendapat LGBT berlainan dengan norma masyarakat, namun undang-undang Malaysia menafikan kewujudan mereka dengan menangkap golongan ini apabila bersuara dalam khalayak ramai. Masyarakat dan undang-undang tidak sepatutnya menghukum golongan LGBT ini kerana fitrah mereka wujud semenjak awal lagi. Walau bagaimanapun beliau mengakui LGBT di sisi agama adalah dosa dan beberapa perkara atas saranan agama tidak patut jadi undang-undang. Namun begitu, tindakan memaksa golongan ini dengan undang-undang adalah suatu kezaliman. Beliau juga berpendapat, masyarakat sepatutnya menyantuni golongan liberal termasuk peruntukan zakat kepada mereka. Masyarakat tidak sepatutnya melabelkan golongan ini dengan gelaran liberal tetapi perlu mendidik mereka dengan berhemah.

Belia keenam berpendapat pihak yang mengkritik golongan liberal tidak mengambil kira tradisi Islam dari sudut budaya, sejarah dan wacana pada zaman perkembangan Islam. Beliau mendakwa tindakan menuduh agama lain salah itu disebabkan ilmu yang terbatas kerana kebenaran itu suatu yang relatif. Beliau berpendapat sebahagian orang Kristian beriman dengan Tuhan seperti beriman kepada ajaran nabi sebelum Nabi Muhammad SAW tanpa menafikan penyelewengan triniti. Beliau juga berpendapat sebahagian pengikut lain tidak boleh dihukum pengakhiran ke neraka kerana hukum metafizik yang relatif. Malah ayat al-Quran al-Karim yang bermaksud sesungguhnya agama di sisi Allah adalah Islam perlu ditafsirkan dengan lebih luas lagi.

Kajian ini menunjukkan belia-belia ini sebenarnya masih boleh diselamatkan. Rata-rata belia yang ditemu bual menunjukkan kekeliruan mereka terhadap hakikat Islam yang sebenar. Mereka tidak memahami intipati Islam dan kesyumulan yang ada dalam agama Islam. Akhirnya mereka menyandarkan Islam itu sama seperti ajaran Kristian yang dibawa oleh paderi. Apa yang mereka hujahkan terhadap

Islam dan perasaan trauma mereka terhadap Islam sebenarnya tidak berasas. Liberalisme berakar umbi dalam kehidupan masyarakat Barat yang menolak agama Kristian. Agama Kristian yang diwakili oleh paderi-paderi di gereja telah memanupulasi dan mencengkam kehidupan masyarakat Barat sehingga mereka tidak mempunyai ruang untuk berkreativiti, berinovasi dan membuat satu perubahan baru dalam kehidupan. Menggunakan hujah sihir sebagai satu kuasa kejahanan, mana-mana perubahan yang tidak bersumberkan gereja dianggap sebagai sihir dan perlu ditolak sekeras-kerasnya. Kumpulan belia ini mempunyai pandangan yang salah terhadap Islam itu sendiri.

Islam adalah agama yang diturunkan Allah SWT untuk membebaskan manusia daripada menyembah sesama manusia kepada menyembah Allah SWT yang Maha Esa. Islam menjamin hak asasi semua makhluk di dunia ini termasuk manusia, haiwan, tumbuhan dan alam semula jadi. Islam telah menggariskan lima tujuan utama penurunan syariat Islam ke dunia untuk menjaga nyawa, akal, harta, maruah dan keturunan manusia. Semua undang-undang dan peraturan ini Allah turunkan melalui pengutusan Nabi Muhammad SAW sebagai Nabi Akhir Zaman yang melengkapkan risalah dan syariat nabi-nabi terdahulu. Islam satu-satunya agama yang mempunyai undang-undang dan peraturan hidup yang lengkap sebagai jaminan agar hak semua makhluk Allah terpelihara. Namun begitu, ramai manusia termasuk sebahagian orang-orang Islam sendiri yang ingkar dan berpaling daripada hidayah Allah SWT dan mereka berusaha untuk mencipta makna kebebasan sendiri. Akhirnya mereka cipta kebebasan dan liberalisme dengan alasan agama menyekat kebebasan dan kemajuan. Hal ini selari dengan Zarkasyi (2012) yang berpendapat perasaan trauma terhadap apa yang berlaku dalam masyarakat Barat terhadap kekejaman gereja mendorong golongan belia ini merasa takut dan bimbang perkara yang sama akan berulang kepada orang-orang Islam.

Prejudis para belia ini terhadap institusi agama Islam seperti mahkamah syariah dan jabatan agama Islam adalah bertitik tolak daripada pandangan yang diperoleh daripada sebelah pihak yang anti Islam dan perasaan trauma yang tidak berasas. Para belia ini menjadikan pendukung Islam liberal sebagai guru dan sandaran memberi pendapat. Malah menjadikan buku-buku yang ditulis liberalis dan sosialis Barat sebagai rujukan. Faktor persekitaran juga mempengaruhi belia ini untuk cenderung kepada pemikiran liberal. Perhimpunan Bersih yang pernah

dianjurkan oleh pihak pembangkang menjadi titik tolak perubahan kepada belia ini apabila melihat kekasaran dan penganiayaan yang berlaku kepada rakyat yang terlibat dalam perhimpunan Bersih (Mohd. Irwan, 2018). Lebih jelas lagi apabila mahasiswa dan mahasiswi yang terlibat menerima hukuman daripada universiti masing-masing. Peristiwa ini menyebabkan belia ini membandingkan dengan apa yang berlaku pada zaman gelap, walaupun perbandingan yang dibuat itu tidak berasas sama sekali. Penglibatan dalam penganjuran seminar yang menyokong agenda liberal seperti dailog antara agama dan budaya juga mempengaruhi cara berfikir dan bertindak para belia ini. Keadaan ini berlaku apabila sarjana yang dijemput untuk menyampaikan pengisian berkaitan tajuk tersebut lebih cenderung kepada rationalisme dan merujuk idealisme mereka kepada Barat.

Belia ini banyak merujuk kepada pandangan sarjana Barat dan buku-buku yang ditulis oleh liberalis dan sosialis Barat. Mereka tidak merujuk kepada ulama Islam yang betul kerana prejudis dan salah faham mereka terhadap para ulama itu sendiri, menyebabkan mereka mengambil pendekatan menjauh dari petunjuk yang sebenar. Hasilnya para belia ini lebih cenderung merujuk para sarjana yang memihak kepada Barat dan melihat kehebatan transformasi yang dibawa oleh Barat sebagai satu kemajuan yang tidak mampu dicapai sekiranya terus bersama dengan Islam yang dikatakan konservatif. Justeru umat Islam terutama mereka yang memegang jawatan utama dalam institusi agama seperti mahkamah syariat, jabatan agama perlu lebih mendekati golongan yang berisiko terpengaruh kepada pemikiran liberal dan berhikmah apabila mendepani mereka. Sikap *tasyaddud* (keras) serta penyalahgunaan kuasa yang diberikan akan menimbulkan salah faham terhadap agama Islam itu sendiri. Ditambah lagi perasaan prejudis yang tinggi terhadap institusi agama dan mereka yang mengurus institusi ini. Golongan ini perlu diberi pendidikan yang sebenar tentang Islam dengan membawa gambaran Islam yang jelas dan betul.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya liberalisasi ini satu proses yang cukup panjang berlaku dalam sejarah kemanusiaan di Barat. Akibat protes terhadap cengkaman gereja Kristian, mereka menuntut kebebasan mutlak daripada ikatan agama dan

memberikan hak mutlak kepada manusia sebagai paksi membuat keputusan. Agama dilihat sebagai institusi yang menghalang kemajuan dan pembangunan berinovasi. Pemikiran ini telah menyerang masyarakat Islam melalui berbagai cara dan pendekatan. Pada hari ini, golongan liberalis Barat tidak perlu bersusah payah berjuang untuk memartabatkan liberalisme. Ini kerana begitu ramai pendokong liberalisme dalam kalangan masyarakat Islam termasuklah sarjana Islam sendiri. Mereka bertopengkan Islam secara lahiriah tetapi menolak apa juga seruan yang datang daripada Islam. Mereka menggunakan hujah hak asasi manusia untuk menolak kewajipan bertudung, hukum hudud dan mempertikaikan autoriti agama dalam negara. Perkara seumpama ini tidak berlaku dalam agama Islam. Islam tidak mewakilkan ajarannya kepada agamawan dan ulama sebagaimana Kristian mewakilkan agama Kristian kepada paderi dan gereja. Islam adalah agama persaudaraan yang tidak membezakan antara ulama dan rakyat. Semua umat Islam mempunyai taraf yang sama di sisi Islam tanpa membezakan warna kulit, pangkat dan kedudukan.

## PENGHARGAAN

Artikel ini ialah sebahagian daripada hasil kajian yang ditaja oleh Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor melalui Geran Penyelidikan Inovasi KUIS/PB/2016/GPIK/GPP/001 dan geran penyelidikan Dana Cabaran Perdana UKM kod projek UKMDCP-2017-009/3.

## RUJUKAN

- Abbas Mansur Tammam. 2016. Pengaruh orientalis terhadap liberalisasi pemikiran Islam. *Kalimah Jurnal Studi Agama dan Pemikiran Islam*14(1): 1-12
- Ahmad Farouk Musa. 2014. Pengajaran yang tidak berkesudahan terhadap Negara Islam. Dlm. Ahmad Farouk Musa. *Wacana Pemikiran Reformis*. Jilid 2. Kuala Lumpur: Islamic Renaissance Front Berhad.
- Alonzo L. Hamby. 1992. *Liberalism and Its Challengers: From F.D.R. to Bush*. USA: Oxford University Press.
- Angel Rabasa. 2007. New world disorder different types of ungoverned territories warrant different responses. *RAND Review* 31(3): 26-29.
- Asri Zainul Abidin, Adrin Armas MA, Fauzi Deraman & Mohd Kamil Abd Majid. 2006. *Islam liberal tafsiran agama yang kian terpesong*. Kuala Lumpur: Karya Bestari Sdn. Bhd.
- Blackburn, Simon. 1996. *The Oxford Dictionary of Philosophy*. Oxford New York: Oxford University Press.

- Coady, J., & Huckin, T. 1997. *Second Language Vocabulary Acquisition*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Dendy Sugiono. 2008. *Kamus Besar Bahasa Indonesia*. Ed. Ke-4. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.
- Fawcett, Edmund. 2014. *Liberalism: The life of an idea*. Amazon.com.
- Harakah Daily*. 2017. <https://harakahdaily.net/index.php/kolumnis/presiden/3083-liberalisme-di-antara-kebebasan-dan-kebabasan>.
- Fazilah Idris, Khadijah Muda dan Khairul Anuar Mastor. 2019. Pembentukan model toleransi beragama belia pelbagai etnik di Malaysia. *Akademika* 89(2): 33-42.
- Indriaty Ismail & Ahmad Mahyuddin Hassan. 2011. Ciri-ciri dan Asas-asas Utama Islam Liberal dalam Pergerakan Sisters In Islam. Kertas Kerja dibentangkan di *Seminar Kebangsaan Isu-isu Islam Liberal*. Anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi, 17 Februari.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2017. <http://www.islam.gov.my/en/media-jakim/media-statement/1117-kenyataan-media-ketua-pengarah-jakim-berkenaan-kenyataan-seorang-individu-dalam-program-anjuran-ifr-dan-g25>
- Jaffary Awang & Kamarudin Salleh. 2007. *Pemikiran Islam dan Isu-Isu Semasa*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Lukman Hakim & Mohd Nasir Omar. 2011. Mengenal pemikiran Islam liberal. *Jurnal Substantia* 14 (1): 179-198.
- Majlis Belia Malaysia. 2017. <http://belia.org.my/wp/2013/12/21/lgbt-lagi-ngo-desak-kerajaan/>
- Mohammad Ariffin Ismail. 2007. *Cabarhan Akidah: Islam Liberal*. Kuala Lumpur: Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.
- Mohd. Irwan Syazli Saidin. 2018. Persepsi dan pengaruh Arab Spring terhadap Gerakan Angkatan Belia Islam Malaysia. *Akademika* 88(1): 91-106.
- Noor Hafizah Mohd. Haridi, Norsaleha Mohd. Salleh dan Zainora bt Daud. 2015. Persepsi Belia Islam Terhadap Pemikiran Tidak Beragama: Satu Analisis. *Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah Dan Syariat 2015* (IRSYAD2015), Kuala Lumpur, 12-13 Oktober.
- Noresah Baharom. 2013. *Kamus Dewan*. Ed. ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Nazimi Mohd. Mustafa, Jaffary Awang dan Aminuddin Basir @Ahmad. 2017. Tingkah laku beragama menurut Frued. *Akademika* 87 (3): 89-99.
- Norsaleha Mohd. Salleh, Noor Hafizah Mohd. Haridi, Abu Zaki Ismail dan Syairawi Mohd. Nor. 2017. *Pengaruh pemikiran liberal dalam media sosial*. 4<sup>th</sup> International Research Management & Innovation Conference (IRMIC 2017)
- Institut Latihan Malaysia (ILIM) Bangi, 7 September 2017.
- Norsaleha Mohd. Salleh Ahmad Munawar Ismail Noor Hafizah Mohd. Haridi Zainora Daud. 2015. Pemikiran Tidak Beragama Dalam Kalangan Belia Islam Di Malaysia. Satu Kajian Rintis. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* Bil. 11 (Edisi Khas).
- Norsaleha Mohd. Salleh, Ahmad Munawar Ismail, Noor Hafizah Mohd. Haridi & Zainora Daud. 2015. Pengaruh pemikiran humanisme dalam pendidikan psikologi dan Sosiologi. *Prosiding ISPEN*. Fakulti Pendidikan: KUIS.
- Projek Dialog. 2015. <https://projekdialog.com/malay/lovewins-apa-yang-dituntut-lgbt/>
- al-Rawy, Fuad Husin. 2009. *al-Fikr al-Islamy fi muwajahah al-fikr al-gharby*. Amman: Dar al-Makmun li al-Nasyr wa al-Tauzi'.
- Ridha Aida. 2005. Liberalisme dan komunitarianisme konsep tentang individu dan komunitas. *Jurnal Demokrasi* 4(2): 1-12.
- Shahirah Abdul Rahim dan Mohd Safri Ali. 2018. Liberalisme agama di Malaysia: Satu sorotan literatur. *E Prosiding Seminar Antarabangsa al-Quran dalam Masyarakat Kontemporari*. Kuala Terengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin.
- al-Silmy, Abdul Rahim bin Somail. 2009. *Haqiqat al-Libraliah wa mawqif al-Islam minha*. Jeddah: Markaz al-Ta'sil li al-Dirasat wa al-Buhuth.
- Skarbekk, G. & Gilje, N. 2001. *A History of Western Thought: From Ancient Greece to the Twentieth Century*. London: Routledge.
- Wan Ismail W Dagang, Mohd Nasir Masroom, Ahmad Syukran Baharuddin, Mohd Ismail Mustari. 2015. Ancaman pemikiran aliran Islam liberal kepada umat Islam di Nusantara: Satu sorotan kajian. *Sains Humanika* 5(3): 77-85.
- Wan Adli Wan Ramli. 2012. *Bahaya Liberalisme dan Pluralisme Agama terhadap Akidah Belia Muslim*. Johor Bahru: Master Gift Sdn. Bhd.
- Zarkasyi, Hamid Fahmy. 2012. *Misykat, Refleksi Tentang Islam, Westernisasi dan Liberalisasi*. Jakarta: INSISTS.
- Norsaleha Mohd Salleh (corresponding Author)  
Institut Kajian Hadis dan Akidah,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa  
Selangor  
Malaysia  
Email:norsaleha@kuis.edu.my
- Ahmad Munawar Ismail  
Pusat Akidah dan Kemanan Global,  
Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Malaysia  
Email:munawar@ukm.edu.my

Noor Hafizah Mohd Haridi  
Jabatan Dakwah dan Usuluddin,  
Fakulti Pengajian Peradaban Islam,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa  
Selangor  
Malaysia  
Email:hafizah@kuis.edu.my

Mohd. Syairawi Mohd. Nor  
Jabatan Dakwah dan Usuluddin,  
Fakulti Pengajian Peradaban Islam,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa  
Selangor  
Malaysia  
Email:hawariy88@gmail.com

Received: 2 November 2020  
Accepted: 15 February 2021